

PENGARUH ANIME DALAM KEHIDUPAN REMAJA

Nor Afian Yusof, Khairul Anwar Mastor, Wan Zulkifli Wan Hassan, Hamdzun Harun, Maznah Ibrahim dan Jamsari Alias

Kerisauan tentang peningkatan masalah sosial dan salah laku dalam kalangan remaja yang berpunca daripada pengaruh media massa terus menjadi topik yang semakin banyak dibincangkan. Remaja masa kini banyak dipengaruhi oleh media massa (Abdul Halim Tamuri, Zarin Ismail, 2005). Lantaran itu, pelbagai kajian juga telah dibuat untuk membahaskan masalah ini daripada pelbagai sudut serta perspektif yang berlainan. Faktor media massa memberikan pengaruh yang rencam dan pelbagai kerana kandungan serta skop media massa itu sendiri yang dilihat begitu luas serta spesifik. Menurut Samsudin (2008), Ab. Halim Tamuri, Zarin Ismail, (2009), Buerah Tunggak, Maznah Ali, Nurafzan Muhamad, Md Hamzaimi Azrol Md Baharuddin, (2012) dan Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff, Ahmad Arifin Sapar, (2013) pendedahan terhadap media massa yang berlebihan boleh mempengaruhi kehidupan remaja. Dalam pada itu, anime adalah salah satu daripada kerencaman media massa yang dilihat sebagai penghibur khusus untuk kanak-kanak dan remaja, malah belia dan juga dewasa. Ia juga tidak lepas daripada dikaitkan dengan isu-isu sosial. Fenomena kegilaan terhadap anime juga turut menjadi satu kerisauan kerana dikhuatiri elemen dan budaya buruk dalam anime boleh mempengaruhi sikap remaja yang menontonnya.

Menurut Roosfa (2012), pengaruh budaya asing dari Jepun ini mempunyai impak kuat terhadap pembangunan diri terutama remaja yang terdedah dengan gaya dan budaya luar yang tidak sesuai dengan budaya tempatan. Manakala Andina (2016) dan Wisdayuti (2012) pula berpendapat bahawa kebimbangan masyarakat terhadap anime berpunca daripada persepsi mereka yang hanya melihat unsur-unsur negatif yang terdapat dalam anime secara luaran sahaja. Justeru, persoalan yang timbul, adakah anime mempengaruhi kehidupan remaja? Sekiranya 'ya!', apakah

bentuk pengaruh tersebut? Adakah ia pengaruh yang positif ataupun pengaruh yang negatif? Sejauh manakah pengaruh ini memberikan impak dalam kehidupan remaja? Banyak kajian yang telah dijalankan untuk melihat baik buruknya kesan anime terhadap remaja dalam pelbagai sudut perspektif dan adalah tidak rasional jika segala impak buruk, masalah sosial remaja dineracakan pemberatnya kepada anime sahaja. Hal ini kerana, bukan semua remaja menerima impak yang sama walaupun menerima pengaruh yang serupa. Perkara ini disokong oleh Sohana (2016), di mana setiap individu menerima pengaruh yang berbeza-beza kerana kelainan pola pemikiran, perbezaan sifat, hubungan sosial serta perbezaan budaya. Ia boleh menjadi positif pada sesetengah penerima dan ia juga boleh menjadi negatif pada sesetengah yang lain. Sesuai dengan pendapat Kemas (2016), media merupakan satu alat yang amat berpengaruh yang boleh menanamkan nilai moral serta akhlak yang baik. Sebaliknya, media massa juga boleh menjadi medium yang merosakkan nilai-nilai tersebut.

ANIME DAN PENGARUHNYA TERHADAP REMAJA

Menurut Timothy (2000), anime adalah animasi Jepun yang dilakar sama ada secara manual iaitu menggunakan tangan ataupun menggunakan komputer. Anime juga merujuk kepada animasi Jepun dan banyak definisi dari Barat cuba menerangkan anime dengan membezakannya daripada animasi Amerika terutamanya Disney (Susan, 2016). Tidak seperti animasi di Barat, anime telah mencetuskan satu kejutan baru dalam dunia animasi seluruh dunia di mana ia mempunyai ramai peminat tegar. Animasi Jepun mempunyai pelbagai genre iaitu daripada genre kanak-kanak sehinggalah dewasa. Animasi Jepun juga mempunyai jalan cerita yang menarik dan sukar diduga. Faktor tersebut menyebabkan animasi Jepun diminati ramai. Selain itu, animasi Jepun turut disokong dengan paparan imej grafik yang menarik dan kelihatan hidup berbanding animasi Barat yang agak kaku.

Menurut Sato (2005), anime telah berada dalam masyarakat selama bertahun-tahun lamanya dengan pelbagai genre sama ada terlalu kanak-kanak, terlalu ganas atau terlalu pornografi. Hasilnya, anime mendapat pelbagai pujian dan juga kejian kerana kandungan serta mesej yang